

12 MAY 2003

Musa-Pilihan Raya

MUSA BAYANGKAN PILIHAN RAYA SABAH SEMAKIN HAMPIR

KOTA KINABALU, 12 Mei (Bernama) -- Ketua Menteri Datuk Musa Aman hari ini membayangkan bahawa pilihan raya negeri semakin hampir mestipun tempoh keanggotaan Dewan Undangan Negeri Sabah sekarang hanya berakhir pada Mac tahun depan.

Musa yang juga pengerusi BN negeri berkata jentera pilihan raya BN negeri sudah bersedia menghadapi pilihan raya itu "pada bila-bila masa" sambil menyatakan keyakinan bahawa BN mampu menyapu bersih kesemua 60 kerusi yang dipertandingkan.

"Kita bersedia menghadapi pilihan raya negeri pada bila-bila masa. Kita hanya menunggu keputusan pucuk pimpinan parti.

"Apa yang perlu dibincangkan bersama ialah kebaikan mengadakan pilihan raya negeri lebih awal atau sebaliknya," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan anugerah pendidikan Shell, di sini, hari ini.

Apabila ditanya sama ada tarikh pilihan raya negeri sudah dikenalpasti dan sama ada pilihan raya negeri akan diadakan serentak dengan pilihan raya umum, Musa berkata perkara itu belum diputuskan.

Ditanya sama ada isu pilihan raya negeri telah dibincangkan dalam pertemuannya dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Kuala Lumpur semalam, beliau berkata: "Ya, kita ada bincang pasal pilihan raya juga tetapi kita tidak tetapkan bila (tarikh) pilihan raya negeri itu akan diadakan".

Mengenai keputusan tiga parti pembangkang tempatan membentuk "pakatan" bagi memberi tentangan kuat kepada BN pada pilihan raya negeri akan datang, Musa berkata mereka berhak berbuat demikian.

"Itu hak mereka...biarlah mereka syok sendiri. Kita tahu bahawa kita dalam BN sentiasa bersatu dan bekerjasama serta bekerja keras bagi menghadapi pilihan raya.

"Bagi BN, kita tidak mempunyai masalah dan kita yakin akan memperolehi kemenangan yang besar atau cemerlang," kata beliau.

Musa berkata pakatan itu tidak akan menimbulkan masalah atau ancaman kepada BN untuk memenangi kesemua 60 kerusi pada pilihan raya itu.

Bagaimanapun, beliau menasihati semua anggota komponen BN negeri supaya tidak leka dan lalai, sebaliknya berusaha memberi khidmat yang terbaik kepada rakyat yang selama ini memberi sokongan padu kepada BN.

Semalam, tiga parti pembangkang tempatan -- Parti Barisan Rakyat Sabah Bersekutu (Bersekutu), Pertubuhan Kebangsaan Pasok Nunukragang Bersatu (Pasok) dan Parti Setia -- bersetuju untuk membentuk pakatan bagi menghadapi pilihan raya negeri yang mesti diadakan sebelum 12 April tahun depan.

Presiden Bersekutu Berman Angkap berkata ketiga-tiga parti pembangkang telah membuat ketetapan itu baru-baru ini. Kumpulan pembangkang itu juga merayu parti pembangkang yang berpusat di Semenanjung termasuk Parti Keadilan Nasional (Keadilan) dan DAP untuk menyertai gagasan pembangkang itu.

Ditanya sama ada persediaan awal yang dibuat oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) untuk pilihan raya negeri Sabah membayangkan SPR sudah menerima lampu hijau, Musa berkata perkara itu akan dibincangkan dengan lanjut dengan pemimpin pusat.

Pada 28 April lepas, Setiausaha SPR Datuk Wan Ahmad Wan Omar berkata suruhanjaya itu telah mula membuat persediaan bagi menghadapi pilihan raya negeri, dan ia sudah mengenalpasti 60 pegawai pengurus dan 66 penolong

pengurus pilihan raya bagi mengendalikan pilihan raya itu.

Jumlah pengundi berdaftar di Sabah yang diwartakan pada 30 April lepas ialah 758,783, naik lebih 30,000 berbanding 726,690 pengundi berdaftar pada pilihan raya negeri 1999.

-- BERNAMA

NT PR